

Peranan Ma'had Baitul Qurra Terhadap Perkembangan Ilmu Maqamat Di Jakarta

Nopky Answara Putra Perdana
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
answara95@gmail.com

Dr. Anuar Hasin
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini adalah berkaitan dengan peranan *Ma'had* Baitul Qurra dalam perkembangan ilmu *maqamat* terhadap masyarakat Jakarta. *Ma'had* Baitul Qurra adalah salah satu pondok yang khas dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Quran yang ianya ditubuhkan untuk menjadi salah satu kemudahan bagi masyarakat Jakarta dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Quran iaitu, ilmu *maqamat*, tafsir, dan hafazan al-Quran. Pengasas *Ma'had* Baitul Qurra ialah Hajjah Maria Ulfa beliau merupakan *qariah* yang masyhur di Indonesia, beliau juga mendapatkan johan sebagai *qariah* Antarbangsa pada tahun 90-an. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui secara terperinci apakah metode yang di gunakan *ma'had* tersebut sehingga dapat menciptakan banyak sekali *qari* serta *qariah* yang hebat, selain itu penulis juga ingin mengetahui kurikulum apa sahaja yang sedia ada dan juga berapa banyak pengajian yang di ajarkan di *Ma'had* Baitul Qurra. Penulis menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data dalam penulisan kajian ini antaranya kaedah temu bual dengan pendiri *Ma'had* dan juga mengkaji makalah-makalah dari kajian-kajian yang lampau. Penulis mendapati amat banyak sumbangan yang telah di berikan kepada masyarakat bukan sahaja dalam menumbuhkan *qari* serta *qariah* hebat melainkan juga menumbuhkan ramai ahli tafsir yang telah mengabdikan ilmunya kepada masyarakat Indonesia secara keseluruhan. Kajian juga banyak mendapati bahawa jenis *maqamat* yang di gunakan *Ma'had* Baitul Qurra banyak terkesan dan menerapkan *uslub* bacaan dari para *qari* asal Mesir. Penulis mengharapkan hasil dari kajian ini akan dapat memberikan suatu kajian baru dalam bentuk tulisan ilmiah kerana penulis mendapati masih sangat sedikit mahasiswa ataupun mahasiswi menulis tentang kajian berkaitan ilmu *maqamat*, sehingga kajian ini dapat memberikan penambahan kajian ilmiah yang boleh di jadikan rujukan.

Kata kunci: *maqamat*, quran dan *ma'had* Baitul Qurra.

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah panduan dan penyelamat kehidupan manusia di dunia. Tidak seperti buku-buku terdahulu, kandungan al-Quran berfaedah kepada semua manusia dan kekal digunakan sepanjang zaman. al-Quran adalah kitab suci umat Islam dan kepercayaan kepadanya adalah salah satu wujud daripada iman¹⁴⁶. Usaha untuk memahami al-Quran sebagai panduan kepada umat manusia di dunia iaitu dengan mempelajari al-Quran dan mengajarkannya¹⁴⁷. Hukum mempelajari al-Quran adalah *fardhu kifayah*, hadith mengenai pembelajaran dan pengajaran al-Quran yang diriwayatkan oleh Tirmidzi adalah; (خيركم من تعلم القرآن وعلمه) "*Yang terbaik diantara kalian adalah seseorang yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya*"¹⁴⁸. Langkah awal dalam mempelajari al-Quran adalah dimulai dengan belajar membacanya. Bacaan adalah asas untuk memahami kandungan al-Quran. Para ulama terdahulu dan sekarang memberi perhatian yang sangat besar kepada *tilawah* (seni membaca) al-Quran sehingga pengucapan lafaz-lafaz al-Quran menjadi baik dan betul¹⁴⁹.

Mengenai keadaan sebenar yang berlaku di beberapa kawasan masyarakat muslim Indonesia, hakikatnya masih banyak yang tidak dapat membaca al-Quran. Mengikut data dari hasil kajian Institut Al-Quran (IIQ) Jakarta menyatakan bahwa 65% umat Islam di Indonesia masih buta huruf al-Quran, 35% dari mereka hanya dapat membaca Quran. Walaupun mereka yang membaca dengan betul hanya 20%. Majoriti umat Islam di Indonesia tidak semestinya membuat semua kalangan mampu memahami ajaran agama Islam dengan baik dan betul¹⁵⁰. Pemerintah Indonesia telah mencuba menyelesaikan masalah ini, terdapat pelbagai institusi pendidikan yang membuat kecekapan dalam membaca al-Quran sebagai keutamaan bagi para pelajar mereka. Serta sekolah-sekolah awam dan sekolah-sekolah dengan sistem pembelajaran Islam terdapat pembelajaran al-Quran dalam beberapa subjek pelajaran mereka.

Institusi pendidikan mesti menangani serius dengan masalah umat Islam Indonesia yang belum dapat membaca al-Quran, sehingga pembelajaran yang efektif diperlukan dari segi belajar al-Quran, terutama membaca dan menulis al-Quran. Oleh sebab itu penulis akan mengkaji salah satu peranan ma'had al-Quran yang dinamakan Baitul Qurra serta perkembangan ilmu *tilawah* ataupun maqamat al-Quran di Indonesia, dengan harapan kajian ini dapat memberikan sedikit sebanyaknya suatu rujukan baru bagi pelajar-pelajar universiti ataupun masyarakat, supaya memahami dan bersemangat dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Quran salah satunya ilmu *maqamat*.

¹⁴⁶ Ibn al-Manzur, Muhammad b. Mukarram al-Afriqiyy al-Misri. 1956. *Kamus Lisanul Arab*. Bayrut: Dar al-Sadir. V. 12. Hal. 256.

¹⁴⁷ *ibid.* Hal. 263.

¹⁴⁸ Labieb Saied (t.t), Melagukan al-Quran, Surabaya Indonesia : (t.c), hlm. 10.

¹⁴⁹ Perkataan al-lahn menurut Ibn al-Barriyy membawa makna salah. Iaitu salah dalam enam bentuk. 1. I'rab. 2. Lughah. 3. Melagukan. 4. Fitnah. 5. Berpaling. 5. Makna. Lihat: Suwaid, Ayman Rushdi. 1991. *Al-Bayan li Hukm al-Qira'at al-Qur'an Bi al-Alhan*. Madinah: Syarikah al-Madinah al-Munawarah. Cet. 1. Hal. 13.

¹⁵⁰ *ibid.* Hal. 14

SEJARAH PERTUBUHAN MA'HAD BAITUL QURRA JAKARTA

Latar belakang berdirinya Pondok Pesantren Al-Qur'an Baitul Qurra' Jakarta, merupakan upaya dalam menjawab kebutuhan masyarakat, terutama kelangkaan Ulama ahli al-Qur'an (Qari, Qariah, Hafidz-Hafidzah dan Mufassir-Mufassirah), sementara masyarakat dan pemerintah sangat mendambakan keberadaan mereka. Sejak Musabaqah Tilawatil Qur'an (MTQ) Nasional I pada Tahun 1968 hingga dewasa ini, masyarakat dan pemerintah berupaya keras untuk melahirkan kader-kader ulama ahli al-Qur'an. Hal ini disebabkan keberadaan mereka yang senantiasa dibutuhkan masyarakat sepanjang zaman.

Maka Ibu Dra. Hj. Maria Ulfah, MA. Sebagai Qariah Terbaik I STQ Nasional 1980 dan Juara I MTQ Internasional di Malaysia. Pada Tanggal 1 Juli 2001 Mendirikan Pondok Pesantren Al-Qur'an Baitul Qurra' sebagai lembaga pendidikan non formal yang spesifik di bidang Al-Qur'an, pendidikan di pesantren Baitul Qurra' bertujuan untuk menghantarkan generasi Qur'ani yang mampu membaca al-Qur'an dengan baik, membina dan mengembangkan mereka yang memiliki bakat di bidang seni baca al-Qur'an, sekaligus memahami makna yang terkandung di dalamnya, serta mengaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara¹⁵¹

Dalam upaya pencapaian tujuan di atas, maka Pondok Pesantren Al-Qur'an Baitul Qurra' telah menciptakan kurikulum dalam kegiatan belajar mengajarnya dengan memadukan antara Tilawah al-Qur'an, Tahfidz al-Qur'an, Qira'at al-Qur'an dan kajian keilmuan al-Qur'an. Upaya itu adalah dalam rangka mencapai tujuan kurikulum, yaitu : mencetak kader-kader qari' - qariah, hafidz - hafidzah dan mufassir - mufassirah yang mendalami ilmu-ilmu Islam (Tafaqquh fid-din) dan bertanggungjawab atas pengembangan agama (Iqamah al-din) serta pembangunan masyarakat. Juga mengembangkan kajian ilmu-ilmu Al-Qur'an, pesan-pesan dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya, untuk dapat diterapkan dalam kehidupan nyata serta sebagai sumbangan untuk mengatasi berbagai problem yang lahir dikalangan masyarakat dewasa ini.

Dalam perkembangannya, sejak berdiri hingga dewasa ini. PPABQ telah melahirkan kader-kader Qari'-Qariah, Hafidz-Hafidzah dan Mufassir-Mufassirah yang telah berkiprah di berbagai Musabaqah nasional dan internasional, sekaligus ulama ahli al-Qur'an yang mengaktualisasikan pesan-pesan dan nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Qur'an, serta aktif dalam membina, membangun dan mengembangkan kajian-kajian ilmu al-Qur'an di tengah masyarakat.¹⁵²

¹⁵¹ Imam al-Ghazali pula menegaskan al-taghanni bermaksud tarannum dan membaguskan suara. Itulah yang paling diterima menurut pakar bahasa. Lihat: Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad b. Muhammad. 2004. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Hadith. V. 1. Hal. 366. Ibn al-Jawzi pula berkata, perkataan al-Taghanni terdapat empat pendapat, 1. Memperindahkan suara. 2. Merasa kaya dan cukup dengan al-Quran. 3. Merasa sedih dan berduka iaitu dengan suara yang lembut, halus, berseni serta khusyuk yang dapat mewujudkan suasana syahdu untuk menangis. 4. Menyibukkan diri dengan urusan al-Quran. Dengan itu, Imam al-Syafi'i, para penyokong serta jumhur ulama berpegang bahawa al-taghanni bermakna memperelokkan seni suara terhadap al-Quran. Lihat: Al-'Asqalani, Ahmad b. 'Aliyy b. Hajar. 2000. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam. V. 9. Hal. 88.

¹⁵² Al-Syaykh Ahmad b. Ahmad b. Muhammad 'Abd Allah al-Tawil. 1999. *Fan al-Tartil Wa 'Ulumuh*. Madinah al-Munawwarah: Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah. V. 1. Cet. 1. Hal. 157 - 179.

DEFINISI ILMU MAQAMAT

Dalam mendefinisi perkataan *maqamat*, penulis mendapati banyak kalimat dalam bahasa Arab yang membawa makna terhadap ilmu *maqamat* itu sendiri. Penulis akan menukilkan beberapa perkataan yang biasa di gunakan dalam kitab-kitab berbahasa Arab serta istilah-istilah amnya ditengah-tengah masyarakat awam.

1. Bahasa

Maqamat dari sudut bahasa di artikan sebagai tempat seseorang berdiri asal kata *maqam*, yang itu sendiri berasal dari perkataan (قام - يقيم) yang berarti berdiri. Tetapi perkataan *maqamat* juga membawa kepada kepada erti tingkatan suara yang di bagikan menjadi tujuh bahagian tingkatan suara dalam tata cara membaca al-Quran secara tarannum.¹⁵³

Selain dari pada itu, *maqamat* memiliki nama lain *tarannum* (ترنم - يترنم) menurut Ibn Al-Manzur dalam kamus *Lisan Al-Arab* perkataan *tarannum* memiliki erti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.¹⁵⁴

Perkataan lain lagi *maqamat* juga dapat di ertikan dengan makna *Lahan* (لحن) terdapat syair yang menjelaskan tentang makna *Lahan* (ألحان ولحون ولحن في قرانته)¹⁵⁵. Maksudnya ialah membaca dengan nada suara yang indah atau suara yang dibawakan dalam bentuk seni.¹⁵⁶

Ada juga ulama yang mengatakan dalam kitab *Al-Bayan li Hukm Al-Qira'at bi Alhan*. Mengatakan bahawa perkataan *Al-Lahn* ialah *Al-Ghina* (الغناء),¹⁵⁷ *Tarji' Al-Sawt* (ترجييع الصوت) dan *tatrib* (تطريب).¹⁵⁸

Di antara lain, *tarannum* boleh juga di maknai sebagai *tahsin al-sawt* (تحسين الصوت), *tahsin al-qira'ah* (تحسين القراءة), *al-taghamni* (التغني),¹⁵⁹ *al-jahr bi al-Quran* (الجهير بالقرآن), *rafa' al-sawt* (رفع الصوت), dan *al-qira'ah al-mujawwadah* (القراءة المحوذة).¹⁶⁰

Dan masih terdapat makna yang sama dengan *maqamat* iaitu *al-nagham* (النغم) adapun kata daripada *al-nagham* bentuk mufrad dan jama'nya ialah *angham* (أنغام).¹⁶¹ Adapun kata yang di sebutkan *al-naghamah / al-nagmah* (النَّغْمَة / النَّغْمَة) bentuk mu'annath dari *al-nagham* (النغم). Jama'nya ialah *al-naghamat* (النغلمات) yang bererti lagu dalam konteks memperindah suara di dalam membaca Al-Quran (حسن الصوت بالقرآن).¹⁶²

¹⁵³ Ilyas. 1972. *Modern Dictionary Arabic English*. Bayrut: Dar Jayl. Hal. 1719.

¹⁵⁴ *op. cit.*

¹⁵⁵ Abu Bakar, Mohd 'Ali. 1997. *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Hal. 81.

¹⁵⁶ *Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁵⁷ Al-Quran. Surat al-Muzammil. Ayat, 4.

¹⁵⁸ Tafsir al-Jalalayn. Surat al-muzammil ayat 4.

¹⁵⁹ Tausyeh adalah patokan/ tata cara melantunkan Qiro"ah yang berupa Syair dan bukan berupa ayat Al Qur"an. Di dalam Tausyeh bisa dijadikan standart (patokan) lagu-lagu Tilawatil Qur"an, karena terdapat cabang-cabang maupun fariasi yang cukup lengkap. Sehingga dengan menghafal / mengingatnya akan lebih mudah menerapkan ke dalam ayat-ayat Al-Qur"an.

¹⁶⁰ *Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁶¹ *Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁶² <http://ppbaitulqurra.blogspot.com/2014/09/syekh-muhammad-muhammad-sulthon-min.html?view=magazine>

2. Istilah

Dalam pembahasan ilmu maqamat Al-Quran tiada definisi khas secara istilah, dikeranakan maqamat Al-Quran adalah tingkatan suara sahaja atau di sebut juga dalam bahasa arab bernama *al-maqamat al-sawtiyyah* ataupun *al-maqamat al-sab'ah* maksudnya ialah tujuh tingkatan dalam melagukan Al-Quran iaitu : *Maqam Bayyati, Maqam Shaba, Maqam Hijaz, Maqam Rast, Maqam Nahawand, Maqam Sikkah Dan Maqam Jiharkah*. Tujuh maqamat tersebut mempunyai karakter dan ciri khas tersendiri sebagai contoh Maqam Hijaz, dia lebih memberikan karakter tegas dengan nada yang kuat ketika di lantunkan oleh si pembaca. Berbeza halnya dengan dengan Maqam Nahawand, dia akan memberikan nuansa karakter yang mendayu-dayu dan sedih ketika di lantunkan dalam bacaan Al-Quran.

3. Sejarah Perkembangan Ilmu Maqamat di Indonesia

Seni lagu al-Quran telah lama bertapak di Indonesia tepatnya pada awal abad ke-20, hal ini selaras dengan kemasukan agama Islam di Nusantara di mana pengajian al-Quran telah bermula lebih kurang 500 tahun yang lalu¹⁶³. Hal demikian dapat dilihat dengan tertubuhnya pusat-pusat pengajian al-Quran dirumah-rumah serta pondok-pondok di Nusantara khususnya di Indonesia.

Ini berdasarkan kedatangan para mubaligh Islam dari Timur tengah serta kepulangan para lulusan ke tanah air yang belajar di negara arab untuk mengajar al-Quran kepada penduduk setempat. Selain itu peranan besar yang dimainkan oleh qari dan qariah merupakan faktor utama perkembangan seni lagu di nusantara khususnya di Indonesia, misalnya nama seperti:

1. K.H. Arwani
2. K.H. Sya'roni
3. K.H. Munawir
4. K.H. Abdul Qadir
5. K.H. Damhuri
6. K.H. Muammar Zainul Asyiqin

Menerusi peranan para qari inilah masyarakat dapat mengenali serta mempelajari pembacaan al-Quran dengan baik serta berkesan dari sudut sebutan lajhah arab terhadap sesuatu kalimah. Mereka ini akan memperdegarkan bacaan yang baik dan disertai dengan seni lagu arab didalam sesuatu majlis khatam al-Quran, kenduri kahwin, perayaan yang berkaitan dengan keagamaan serta proses pengajaran al-Quran kepada masyarakat.

PERANAN MA'HAD BAITUL QURRA DALAM PERKEMBANGAN ILMU MAQAMAT DI JAKARTA

Di Indonesia Ilmu Maqamat al-Quran memanglah sudah sangat banyak sekali peminat, bukan sahaja dari orang yang mempunyai modal suara yang baik dan bagus, bahkan orang yang tiada anugerah bakat suara baguspun bersemangat untuk mempelajari ilmu maqamat. Sehingga

¹⁶³ Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di Ma'had Baitul Qurra Jakarta. 29 Julay 2018.

mereka boleh sedikit sebanyak melantunkan al-Quran dengan lagu yang lumayan merdu. Ini adalah salah satu peranan-peranan yang nampak dari adanya *ma'had-ma'had* al-Quran di Indonesia, dan diantara banyaknya *ma'had* al-Quran penulis akan mengulas tentang *Ma'had Baitul Qurra* terletak di Jakarta.

METODE PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI MA'HAD BAITUL QURRA

Pada saat penulis datang dan mewawancarai pendiri *Ma'had Baitul Qurra* iaitu Hj. Maria Ulfa, beliau menjelaskan bahawa metode pengajaran dan pembelajaran yang di terapkan di *Ma'had Baitul Qurra* adalah dengan mewajibkan terlebih dahulu kepada siswa dan siswi *ma'had*, untuk mempelajari ilmu tajwid al-Quran. Sebagaimana kita ketahui jikalau seseorang mempunyai suara yang bagus tetapi masih tidak baik dalam penyebutan makharijul huruf dan juga tajwidnya, maka ia akan boleh merusak bacaan al-Quran itu sendiri beserta ertinya.¹⁶⁴

Seperti kalam Allah mengatakan dalam al-Quran surat *al-Muzammil* (أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْفُرْقَانَ تَرْتِيلًا)¹⁶⁵, dan di tinjau dari tafsir bahawa perkataan *وَرَتِّلِ الْفُرْقَانَ تَرْتِيلًا* mengandungi erti mantapkanlah bacaannya dan bacalah Al-Quran itu dengan perlahan-lahan¹⁶⁶. Inilah alasan yang mendasar tegas Hj. Maria Ulfa wajib bagi setiap Qari untuk menguasai ilmu tajwid barulah boleh ia melanjutkan untuk belajar ilmu maqamat yang tujuh. Setelah itu beliau mengatakan untuk belajar ilmu maqamat atau seni melagukan Al-Quran yang di terapkan di *Ma'had Baitul Qurra* adalah dengan dua cara yang pertama dengan secara langsung menerapkan maqamat kepada ayat-ayat Al-Quran, dan adapun yang kedua dengan cara menerapkan maqamat kepada tausyikh.¹⁶⁷

KORIKULUM MA'HAD BAITUL QURRA

Pada awal di tubuhkannya *ma'had Baitul Qurra* di tahun 2001, Hj. Maria Ulfa mengatakan banyak sekali permintaan daripada masyarakat kepada beliau untuk mengajarkan ilmu maqamat al-Quran, akhirnya beliaupun membuka kelas tilawah secara non formal di rumah beliau sendiri.¹⁶⁸ Banyak sekali masyarakat yang terkesan dengan cara beliau mengajar dengan ciri khas suara perempuan yang identik dengan suara yang melengking tinggi dan disertai bunga suara yang banyak.

Dengan kepuasan dan kekaguman masyarakat kepada beliau dan juga atas izin Allah *azza wajalla*, pada tahun 2005 mulalah Hj. Maria Ulfa membeli rumah yang ada tepat depan rumah beliau untuk di jadikan pondok tilawah tetapi masih tahapan korikulum non formal.¹⁶⁹ Daripada sini semakin ramai masyarakat yang berdatangan daripada Jakarta dan juga luar Jakarta untuk belajar dan mondok di *Baitul Qurra Jakarta*, dengan semakin membaiknya

¹⁶⁴ Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di *Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁶⁵ Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di *Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁶⁶ Temu Bual dengan Hj. Maria Ulfa, di *Ma'had Baitul Qurra Jakarta*. 29 Julay 2018.

¹⁶⁷ Ini merupakan komentar Mahmud Yunus pada ayat al-Baqarah 19-20. Komentar ini diletakkan pada nota kaki di bawah.

¹⁶⁸ Ini merupakan komentar tambahan yang diletakkan di nota kaki.

¹⁶⁹ <https://ptiq.ac.id/sejarah/>. Diakses hari Rabu tarikh 7 Ogos 2019.

keadaan ekonomi beliau dan juga semakin ramai lagi orang yang ingin belajar ilmu maqamat. Pada tahun 2008-2009 di bukalah secara rasmi dan menjadi pondok tilawah dengan sistem formal yang langsung di rasmikan oleh pemerintah Indonesia pada saat itu.

Pelbagai masukan dan pendapat di serap oleh beliau bahawa pondok tilawah tidaklah cukup hanya mengajarkan ilmu maqamat sahaja, akhirnya beliau pun berinisiatif membuka kelas pengajian tafsir al-Quran, Hafazan al-Quran, Qira'at Sab'ah dan Bahasa Arab. Ma'had Baitul Qurra pun menjalin link dengan salah satu syeikh daripada mesir yang bernama *Syekh Muhammad Muhammad Sulthon min Misri*, untuk langsung mengajarkan qira'at sab'ah, qira'at asyroh, dan juga bahasa arab di *ma'had* Baitul Qurra selama tiga tahun¹⁷⁰. Setelah menjadi pondok yang di akui oleh pemerintah Indonesia, maka di buat *Madrasah Ibtida'iyah Islamiyyah*, daripada darjah satu sampai darjah 6 dan juga *Madrasah Tsanawiyah Islamiyyah*, daripada tingkatan satu sampai tingkatan 3. Murid yang mendaftar pun di berikan pilihan, boleh sekolah dan juga tinggal di asrama ma'had tetapi juga boleh memilih hanya bersekolah sahaja tanpa tinggal di ma'had. Tetapi dari kedua pilihan tersebut pelajaran ilmu maqamat adalah wajib yang perlu di ajarkan kepada seluruh murid.¹⁷¹

ASPEK LATIHAN ILMU MAQAMAT DI MA'HAD BAITUL QURRA

Cara berlatih ilmu maqamat sebetulnya banyak sekali cara dan mengikut sistem ataupun kreatifiti daripada guru itu tersebut, tetapi ada hal berbeza yang di terapkan di *ma'had* Baitul Qurra, iaitu dengan cara wajib bagi setiap murid yang tinggal di asrama ma'had untuk melakukan latihan menjerit setiap selepas solat subuh dan selepas jogging. Dengan menjerit kuat Hj. Maria Ulfa mengatakan akan membiasakan setiap rongga suara dari murid terbiasa dan membuatkan lentur untuk mempermudah dalam menerapkan maqamat ketika mempraktikkan ke dalam al-Quran.¹⁷²

Dan seperti yang penulis katakan di atas, bahawa perempuan identik mempunyai suara yang tinggi melengking dan juga banyak bunga, maka dari itu qari-qari yang lahir dari ma'had Baitul Qurra baik perempuan ataupun laki-laki, mereka mempunyai banyak sekali bunga dan variasi untuk lebih memperindah maqamat asas dari tujuh tersebut menjadi terdengar lebih cantik ketika di bacakan ke dalam al-Quran.

Untuk pelajaran tafsir dan bahasa arab *ma'had* Baitul Qurra menerapkan metode penggabungan, sebagai contoh ketika memulai pejalaran tafsir dengan kitab asas iaitu kitab tafsir al-Jalālayn maka muridpun sekaligus mempraktikkan ilmu nahwu dan sharaf, di keranakan murid akan lebih cepat memahami bahasa arab jikalau terus mempraktikkannya dan langsung mengartikannya ke dalam bahasa Indonesia.¹⁷³

¹⁷⁰ <https://iiq.ac.id/SEJARAH-IIQ>. Diakses hari Rabu tarikh 7 Ogos 2019.

¹⁷¹ Asraf bin Ayob, Kertas Kerja Kaedah Jibril, (2007, Cetakan Pertama, h. 7.

¹⁷² *Ibid.*

¹⁷³ Risalah Metode mengambil Syahadah STAI PIQ Sumatera Barat, Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (I-PTIQ) Jakarta, dan Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta.

TOKOH-TOKOH YANG LAHIR DARIPADA MA'HAD BAITUL QURRA DAN PENGABDIAN KEPADA MASYARAKAT

Hampir dua puluh tahun ma'had Baitul Qurra hadir dan bertubuh untuk memberikan fasiliti kepada masyarakat, mestilah sudah cukup banyak generasi-generasi ataupun alumni-alumni yang mengabdikan ilmunya di tengah-tengah masyarakat Indonesia secara umum dan khususnya di Jakarta. Penulis akan menyebutkan nama-nama yang di sebutkan langsung ketika temu bual sebagai berikut¹⁷⁴.

1. Ustadz Dasrizal M Nainin (Johan pertama dalam majelis tilawah al-Quran antarabangsa di malaysia tahun 2013).
2. Abdul Somad (Johan pertama kebangsaan)
3. Ahmad Nabil Mubarak (Johan pertama kebangsaan)
4. Ummul Qurra (Johan pertama kebangsaan)
5. Nopky Ansvara Putra Perdana (Johan pertama province Jakarta)

Dan masih banyak lagi yang tidak di sebutkan oleh Hj. Maria Ulfa, dan yang sekarang menerusi perjuangan dan menjadi kepala ma'had untuk mengajar di masyarakat ialah Ustadz Dasrizal M Nainin, beliau di percaya oleh Hj. Maria Ulfa untuk mengajarkan masyarakat umum dan juga murid-murid kerana beliau yang paling lama tinggal di *ma'had* Baitul Qurra dan juga prestasi beliau dalam mengembangkan dan menyebarkan luaskan dan juga mengharumkan nama ma'had Baitul Qurra ke masyarakat Indonesia ataupun di luar Indonesia.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini ialah, bahawa ilmu maqamat telah berkembang secara meluas di Indonesia ataupun nusantara. Dan *ma'had* Baitul Qurra adalah salah satu ma'had terbaik di Indonesia yang boleh di jadikan rujukan bagi pelajar-pelajar yang meminati dan ingin mendalami ilmu islam khususnya ilmu al-Quran dan ilmu maqamat, kerana telah banyak sekali qari-qari yang hebat lahir daripadanya. Dan bukan hanya memperdalam ilmu agama sahaja, melainkan tinggal di asrama pun boleh memberikan satu pengalaman hidup kepada anak-anak muda islam supaya terlatih menjadi pemuda yang kuat, hebat, tangguh dan pandai berdakwah mengikuti zaman. Kerana ma'had-ma'had yang ada sekarangpun juga menyesuaikan dengan keadaan zaman sekarang yang lebih banyak pemuda menyukai belajar teknologi termasukpun *ma'had* Baitul Qurra menyediakan makmal komputer yang menjadi fasiliti penyokong kemajuan islam juga. Dan dengan terbitnya journal ini penulis berharap akan banyak lagi penuntut ilmu dan ahli al-Quran yang mendalami tentang ilmu maqamat yang mungkin belum tersentuh dan belum terbahas oleh penulis dalam kajian kali ini.

¹⁷⁴ Arifin bin Siddik, *Kaedah Menghafal al-Qur'an di Institusi Tahfizh Malaysia: Kajian Perbandingan antara ... dan Darul Qur'an Jakim*, (Tesis Master), h. 134-5.

RUJUKAN GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI DAN PENULIS KETIKA TEMU BUAL



RUJUKAN DAN SUMBER

- *Al-Quran al-Karim surah al-Muzammil ayat 4.*
- *Al Albani, M. N. (2007). Shahih Sunan At-Tirmidzi [3]. (E. Fr, Ed., & Fakhturazzi, Trans.) Jakarta: Pustaka Azzam.*
- *Amedz, M. (2013, Desember 25). Buta Huruf Al-Qur'an di Indonesia Sungguh Menyedihkan. Retrieved April 13, 2019, from kompasiana.com: <http://sosbud.kompasiana.com/2013/12/25/buta-huruf-al-quran-diindonesia-sungguh-menyedihkan-619561.html>*
- *Abu Bakar , Mohd 'Ali. 1997. Seni Lagu al-Quran Di Malaysia. Cet. 2. Kuala Lumpur: Darul Fikir.*
- *Al-Syaykh Ahmad b. Ahmad b. Muhammad 'Abd Allah al-Tawil. 1999. Fan al-Tartil Wa 'Ulumuh. Madinah al-Munawwarah: Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah. V. 1. Cet. 1.*
- *Hasanuddin. (1995). Perbedaan Qira'at dan Pengaruhnya Terhadap Istibath Hukum dalam Al-Qur'an. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.*
- *Ilyas. 1972. Modern Dictionary Arabic English. Bayrut: Dar Jayl.*
- *Labieb Saied (t.t), Melagukan al-Quran, Surabaya Indonesia.*
- *Qomar, M. (2010). Pesantren: Dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi. Jakarta: Penerbit Erlangga.*
- *Romli, U., & Anwar, S. (2013). Konsep Tilawah Dalam Alquran. Jurnal Pendidikan Agama Islam - Ta'lim , 11.*
- *Rofik Nursahid 2015. Program Pembelajaran Tilawah al-Quran Pada Pondok Pesantren al-Quran al-Falah. Cicalengka Bandung : Universitas Pendidikan Indonesia.*
- *Temu bual penulis dengan Hj. Maria Ulfa (29 julay 2018). Ma'had Baitul Qurra Jakarta.*
- *Tafsir al-Jalālayn. Jalaluddin al-Mahalli 1459, Jalaluddin as-Suyuthi 1505.*
- *Umar, N. (2008). Ulumul Qur'an : Mengungkap Makna-Makna Tersembunyi Al-Quran. Jakarta: Al- Ghazali Center.*
- *<http://ppbaitulqurra.blogspot.com/?view=magazine>. mei 20 2019.*
- *<https://www.almaany.com/>. jun 10 2019.*